PERPUSTAKAAN
JABATAN PEGUAM
31 MAR 1992
clr

MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| Jil. 36<br>No. 6 | **12hb Mac 1992** | *TAMBAHAN No. 19*<br>*PERUNDANGAN (A)* |
|---|---|---|

**P.U. (A) 71.**

AKTA BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN 1989

PERINTAH BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN
(THE TEMERLOH RUBBER ESTATES BERHAD)
(PENGECUALIAN) 1992

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 118 (1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Menteri— *Akta 372.*

*(a)* dalam menimbangkan fakta bahawa The Temerloh Rubber Estates Berhad, suatu syarikat awam berhad yang diperbadankan di Malaysia dan menjalankan perniagaan pelaburan induk, kewangan mezzanine, pergudangan dan estet perladangan tidak dilarang oleh dokumen-dokumen konstituennya memegang syer-syer dalam suatu bank saudagar berlesen dan bahawa pemegangan syer-syer dalam bank tersebut oleh syarikat itu adalah tidak tak selaras dengan perniagaan yang dijalankan olehnya; dan

*(b)* setelah berpuas hati bahawa ia tidak akan memudaratkan penggalakan struktur kewangan yang kukuh di Malaysia atau berlawanan dengan kepentingan awam,

atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (The Temerloh Rubber Estates Berhad) (Pengecualian) 1992** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1991.

P.U. (A) 79.

AKTA SURUHANJAYA PILIHANRAYA 1957

PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN JADUAL) 1992

*Akta 31.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 12 Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957, Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama. 1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan Jadual) 1992.**

Pindaan Pertama. 2. (1) Jadual kepada Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 adalah dipinda dengan menggantikan perenggan 1 dengan perenggan yang berikut:

"1. GAJI:

| | |
|---|---|
| Pengerusi | $ 4665.60 sebulan |
| Timbalan Pengerusi | $ 4017.60 sebulan |

ELAUN TETAP:

| | |
|---|---|
| Ahli-ahli | $ 3402.00 sebulan |

ELAUN MEMANGKU:

Jika sekiranya Timbalan Pengerusi atau mana-mana ahli melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi selama suatu tempoh yang lebih daripada dua puluh lapan hari, dia adalah berhak mendapat elaun memangku yang sama nilainya dengan perbezaan di antara gaji atau elaun tetapnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan gaji jawatan yang dipangkunya.".

(2) Subperenggan (1) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1989.

Pindaan Kedua. 3. (1) Jadual kepada Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957, sebagaimana yang dipinda dalam peraturan 2, adalah dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perenggan 1 dengan perenggan yang berikut:

"1. GAJI:

| | |
|---|---|
| Pengerusi | $ 6310 sebulan |
| Timbalan Pengerusi | $ 4700 sebulan |

ELAUN TETAP:

| | |
|---|---|
| Ahli-ahli | $ 3950 sebulan |

ELAUN MEMANGKU:

Jika sekiranya Timbalan Pengerusi atau mana-mana ahli melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi selama suatu tempoh yang lebih daripada dua puluh lapan hari, dia adalah berhak mendapat elaun memangku yang sama nilainya dengan perbezaan di antara gaji atau elaun tetapnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan gaji jawatan yang dipangkunya.".

(*b*) dengan menggantikan perenggan 12 dengan perenggan yang berikut:

"12. ELAUN KERAIAN BULANAN:

| | |
|---|---|
| Pengerusi | $ 1,500 |
| Timbalan Pengerusi | $ 800 |
| Ahli-ahli | $ 550". |

(2) Subperenggan (1) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992.

Dibuat pada 14hb Februari 1992.
[PM. (R) 10197 Jld. VII; PN. (PU2) 373.]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,
*Setiausaha Jemaah Menteri*

## ELECTION COMMISSION ACT 1957

### ELECTION COMMISSION (AMENDMENT OF SCHEDULE) REGULATIONS 1992

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Election Commission Act 1957, the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations: *Act 31.*

1. These Regulations may be cited as the **Election Commission (Amendment of Schedule) Regulations 1992.** Citation.

2. (1) The Schedule to the Election Commission Act 1957 is amended by substituting for paragraph 1 the following paragraph: First Amendment.

"1. SALARY:

| | |
|---|---|
| Chairman | $ 4665.60 per month |
| Deputy Chairman | $ 4017.60 per month |

FIXED ALLOWANCE:

| | |
|---|---|
| Members | $ 3402.00 per month |

ACTING ALLOWANCE:

In the event of the Deputy Chairman or any member performing the functions of the Chairman or Deputy Chairman during a period exceeding twenty eight days, he shall be entitled to an acting allowance, equivalent to the difference between his salary or fixed allowance, as the case may be, and the salary of the position he is acting in.".

(2) Subregulation (1) shall be deemed to have come into force on the 1st January 1989.

Second Amendment.

3. (1) The Schedule to the Election Commission Act 1957, as amended in regulation 2, is amended—

*(a)* by substituting for paragraph 1 the following paragraph:

"1. SALARY:

| | |
|---|---|
| Chairman | $ 6310 per month |
| Deputy Chairman | $ 4700 per month |

FIXED ALLOWANCE:

| | |
|---|---|
| Members | $ 3950 per month |

ACTING ALLOWANCE:

In the event of the Deputy Chairman or any member performing the functions of the Chairman or Deputy Chairman during a period exceeding twenty eight days, he shall be entitled to an acting allowance, equivalent to the difference between his salary or fixed allowance, as the case may be, and the salary of the position he is acting in.".

*(b)* by substituting for paragraph 12 the following paragraph:

"12. MONTHLY ENTERTAINMENT ALLOWANCE:

| | |
|---|---|
| Chairman | $ 1,500 |
| Deputy Chairman | $ 800 |
| Members | $ 550". |

(2) Subparagraph (1) shall be deemed to have come into force on the 1st January 1992.

Made the 14th February 1992.
[PM, (R) 10197 Jld. VII; PN. (PU²) 373.]

By Command,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,
*Secretary to the Cabinet*